

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
KAWASAN : BALING
TARIKH : 16 NOVEMBER 2015, ISNIN

SOALAN:

YB. DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM (BALING)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membaik pulih semula Jalan Trans Eastern Interland Highway (TEKIH) Seksyen 36.00-36.30 laluan Weng-Gulau Baling yang terbengkalai akibat tanah runtuh memandangkan jalan ini sepatutnya telah dibuka dan menjadi laluan alternatif antara daerah Baling, Sik dan Padang Terap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek yang dimaksudkan itu merujuk kepada projek Menyiapkan Baki Kerja-kerja Tertinggal Bagi Projek Trans Eastern Kedah Interland Highway (TEKIH): Dari Durian Burung Ke Kupang, Kedah – Pakej B: Dari Pedu Ke Sg. Chapar Dan Sg. Sok Ke Weng – Segmen D : Ch70900 – 80300.

Skop projek ini ialah membina jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada dari CH70900 hingga CH80300 mengikut piawaian JKR R5 2 lorong 2 hala. Tarikh milik tapak projek ialah pada 22 Februari 2012 dan tarikh siap pula ialah pada 30 April 2014. Walau bagaimanapun semasa kerja-kerja pembinaan hampir siap, berlaku kejadian keruntuhan cerun di CH78000. Berikutan terdapat isu kontrak berkaitan tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan tersebut, kementerian pada masa kini sedang dalam proses untuk mendapatkan nasihat dan pandangan perundangan daripada Penasihat Undang-Undang sebelum tindakan pembaikan cerun yang runtuh itu dilaksanakan.

Sekian. Terima kasih.